

No.18/2014

13 Ogos 2014

KENYATAAN MEDIA

BIASISWA KERAJAAN JEPUN (MONBUKAGAKUSHO: MEXT) 2015
YOUNG LEADERS' PROGRAM (YLP)

Kedutaan Jepun dengan ini mengumumkan pembukaan bagi permohonan Biasiswa Kerajaan Jepun (Monbukagakusho: MEXT) iaitu Young Leaders' Program (YLP) 2015 yang akan dibuka sehingga **19hb September 2014**. Semua warga Negara Malaysia lepasan ijazah yang ingin menyambung pengajian ke peringkat Sarjana adalah dijemput untuk memohon biasiswa ini. Dalam tempoh tersebut, elaun yang akan diberikan adalah 242,000 yen (tertakluk pada perubahan). Segala perbelanjaan yuran peperiksaan, matrikulasi dan yuran bulanan akan dikecualikan, dan juga tiket penerbangan pergi dan balik turut disediakan.

Tempoh bagi kursus ini adalah setahun (1) dari Oktober 2015 sehingga September 2016 (kecuali bagi kursus Pengurusan Perniagaan yang bermula dari September 2015 sehingga Ogos 2016). Semua kursus ini disampaikan dalam Bahasa Inggeris.

Terdapat lima (5) kursus di bawah Young Leaders' Program : -

1. **Kursus Pengurusan Perniagaan** (Sarjana Pengurusan Perniagaan)
2. **Kursus Perundangan** (Sarjana Perundangan)
3. **Kursus Sekolah Kerajaan** (Sarjana Pengurusan Awam atau Sarjana Perundangan Awam)
4. **Kursus Sekolah Kerajaan Tempatan** (Sarjana Pengurusan Awam atau Sarjana Perundangan Awam)
5. **Kursus Pengurusan Kesihatan** (Sarjana Pengurusan Kesihatan)

Syarat-syarat Permohonan: -

1. Warganegara Malaysia berkelulusan ijazah dengan kepujian.
2. Bagi **Kursus Pengurusan Perniagaan**, pemohon mestilah:-
 - (a) berumur bawah 35 tahun pada 1hb September 2015;
 - (b) fasih bertutur dalam Bahasa Inggeris (markah minima TOEFL 600/ TOEFL-CBT 250/ atau yang setaraf) dan memperolehi keputusan GMAT; dan
 - (c) mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya 3 tahun.
3. Bagi **4 kursus lain**, pemohon mestilah:-
 - (a) berumur bawah 40 tahun pada 1hb Oktober 2015;
 - (b) fasih bertutur dalam Bahasa Inggeris (markah minima TOEFL 550/ TOEFL-CBT 213/ TOEFL-iBT 79-80 atau yang setaraf); dan
 - (c) mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya 3 tahun di sektor kerajaan (bagi **Kursus Perundangan**, sekurang-kurangnya 4 tahun pengalaman bekerja di pejabat perundangan atau bahagian perundangan syarikat atau jabatan kerajaan di Malaysia).

Permohonan boleh dibuat melalui pihak yang di sahkan oleh Kedutaan; bagi Kursus Pengurusan Perniagaan sila hubungi, Dewan Perdagangan & Industri Kebangsaan Malaysia di nombor tel. 03-6204-9811 (Ms. Annie William), bagi 4 kursus lain, hubungi Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia di nombor tel. 03-8885 3468 (Cik Nor Raifana). Bagi kursus Perundangan, permohonan bagi pegawai bukan kerajaan juga boleh dibuat melalui Fakulti Undang-undang Universiti Malaya di nombor tel. 03-7967 6501 (Prof. Madya Norbani Nazeri) dan Kuliyah Undang-undang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia di nombor tel. 03-6196 4281/4280 atau emelkan ke ramizah@iium.edu.my (Prof. Madya Dr. Ramizah Wan Muhammad). Permohonan bagi kursus pengurusan kesihatan juga boleh dibuat melalui Kementerian Kesihatan Malaysia di nombor tel. 03-88831122 (Dr. Syazmin) atau 03-88831113 (Dr. Ilya Hani).

Tel: 03-2177-2600

Embassy of Japan

No. 11, Persiaran Stonor,
Off Jalan Tun Razak,
50450 Kuala Lumpur,
Malaysia.

Untuk maklumat lanjut sila hubungi bahagian Perkhidmatan Jepun, Kedutaan Jepun di nombor tel. 03-2177 2600 sambungan 146.

Kuala Lumpur
5hb Ogos 2014